



## **PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 74 BIL 44/2022**

### **PENCEGAHAN DAN KESEDARAN PENYAKIT DENGGI DIKALANGAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Untuk makluman semua pelajar, pengurusan Residen Pelajar 5 telah menerima kunjungan dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) cawangan Pekan bagi membuat tinjauan di sekitar kawasan asrama berikutan terdapat kes denggi dikalangan pelajar yang telah dilaporkan.

Hasil tinjauan didapati kawasan asrama adalah bebas dari pembiakan nyamuk aedes namun oleh kerana musim hujan dikhuatiri terdapat takungan air yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk dan penularan demam denggi dikalangan pelajar.

Oleh yang demikian, pelajar boleh melakukan langkah-langkah bagi menangani pembiakan nyamuk aedes seperti berikut;

1. Cari dan musnahkan tempat pembiakan nyamuk.
2. Buang bekas yang boleh menakung air
3. Menggunakan semburan serangga atau pasang ubat nyamuk elektrik untuk membunuh nyamuk terutama di kawasan tertutup
4. Pastikan tingkap & pintu sentiasa ditutup.

Sekiranya terdapat simptom jangkitan demam denggi, pelajar hendaklah segera mendapatkan rawatan di pusat kesihatan / klinik yang berdekatan.

Segala perhatian dan kerjasama pelajar berhubung perkara ini amatlah dihargai bagi bersama membantu mencegah pembiakan nyamuk aedes dan penularan demam denggi terutama di Residen Pelajar.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

‘Teknologi Untuk Masyarakat’

Saya yang menjalankan amanah,



**MUHAMAD FAISAL BIN MOHD YASIN**

Pengarah  
Perkhidmatan Pelajar  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 27 Disember 2022